Penasihat ekonomi PM bantu penstrukturan MAS

BH 3 JAN 2002

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mdhamad sudah melantik penasihat ekonominya, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop bagi membantu mempercepatkan pembaharuan dalam Penerbangan Malaysia (MAS), kata seorang pegawai kanan syarikat penerbangan itu.

Pegawai kanan itu yang enggan dikenali berkata, Nor Mohamed tidak berada dalam lembaga pengarah MAS, tetapi selalu berhubungan dengan pegawai atasan syarikat berkenaan melalui telefon.

"Nor Mohamed membantu dalam proses penstrukturan semula MAS. Adalah baik untuk mempunyai seseorang membantu dalam pelan penstrukturan yang kami rangka sebelum ini," katanya kepada AFX-Asia.

Pelantikan Nor Mohamed masih belum diumumkan dan butiran tanggungjawabnya di syarikat itu belum diketahui.

Akhbar *The Asian Wall Street* Journal, memetik sumber kerajaan sebagai berkata. Dr Mahathir buIan lalu' menamakan Nor Mohamed untuk mengawasi pelan penstrukturan semula MAS yang menanggung beban hutang kira-kira RM10 bilion.

Akhbar itu berkata, syarikat itu sedang cuba menjual bahagian penyajian makanan, ibu pejabatnya di Kuala Lumpur dan kompleks operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang bagi mendapatkan kira-kira RM2 bilion.

MAS mengalami kerugian seiak krfsis kewangan serantau pada 1997. Ia melaksanakan pelan penstrukturan semula tahun lalu bagi membolehkannya kembali pulih pada 2004.

Dr Mahathir kelmarin berkata, keraiaan masih menimbang pkrmohonan beberapa syarikat penerbangan asing untuk membeli saham MAS, tetapi akan hanya membuat keputusan mengenainya selepas penstrukturannya selesai. – AFP